

27/01/2001

Pelawaan Samy Vellu cetus reaksi berbeza

Magendran Rajagopal

PELAWAAN Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, kepada Presiden Barisan Kemajuan India seMalaysia (IPF), Datuk M G Pandithan, serta ahlinya kembali menyertai MIC mencetuskan pelbagai reaksi berbeza di kalangan ahli peringkat akar umbi.

Akhbar Tamil Nesan (Nesan), yang pro MIC, melaporkan perkembangan baru itu menandakan permulaan ke arah kelahiran semula masyarakat India yang lebih bersatu, erat dan kukuh dari segi perpaduan.

Malah beberapa pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN), termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengalu-alukan tindakan itu.

Namun, ada segelintir pemimpin MIC peringkat cawangan dan bahagian yang kurang senang dengan kemasukan semula IPF selepas hampir 13 tahun tidak sebulu dan menghadapi pelbagai perselisihan faham.

Sentimen yang sama disuarakan pemimpin bawahan IPF dalam akhbar harian Malaysia Nanan (Nanan) sejak Samy Vellu menyuarakan hasratnya Selasa lalu selepas mendapat persetujuan sebulat suara pucuk pimpinan tertinggi MIC.

Rata-rata, ramai anggota IPF khuatir perjuangan mereka selama ini tidak lagi bermakna apabila mereka kembali memasuki MIC sebagai ahli baru kerana kebanyakan mereka akan kehilangan pengaruh dan kuasa.

Menurut mereka, hanya Pandithan saja akan menerima manfaat daripada penyertaan dalam MIC menerusi pemberian jawatan tertentu seperti yang sudah dibayangkan Samy Vellu Khamis lalu.

Sementara itu, beberapa anggota MIC juga berpendapat kemasukan semula Pandithan dalam parti itu akan lebih memudaratkan daripada membawa sebarang kebaikan berdasarkan amalan politik beliau yang mengeksploitasi kasta.

Seperti yang sedia maklum, walaupun dinafikan sekeras-kerasnya oleh Pandithan, beliau sering mendakwa memperjuangkan nasib golongan kasta bawahan masyarakat India bagi meraih sokongan ketika menjadi Naib Presiden MIC pada awal tahun 80-an.

Amalan membeza-bezakan seseorang mengikut kasta sudah lama menjadi duri dalam daging bagi masyarakat India Malaysia dan membiarkan ia menular ke dalam senario politik akan memburukkan lagi keadaan.

Satu lagi andaian popular yang dipaparkan akhbar Tamil tempatan ialah MIC membuat tawaran itu kerana bimbang dengan pengaruh Parti Progressif Rakyat (PPP) berikutan pelantikan presidennya, Datuk M Kayveas, sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Desas-desus mengenai penggabungan semula ini sebenarnya semakin rancak sejak pilihan raya kecil Teluk Kemang, Negeri Sembilan dan Lunas di Kedah apabila Samy Vellu dan Pandithan sering kelihatan bersama dalam beberapa kempen yang diadakan.

Walaupun pucuk pimpinan kedua-dua parti nampaknya bersedia untuk bersatu semula, sentiman penyokong akar umbi ternyata berbeza kerana bagi mereka, ini hanya menguntungkan pucuk pimpinan mereka.

(END)